## SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU OPERASI

<table>
<tr><td>Jawatan</td><td colspan="4">Pembantu Operasi Gred N11</td></tr>
<tr><td>Kementerian</td><td colspan="4">Kementerian Pendidikan Malaysia</td></tr>
<tr><td>Kumpulan Perkhidmatan</td><td colspan="4">Pelaksana</td></tr>
<tr><td>Klasifikasi Perkhidmatan</td><td colspan="4">Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan</td></tr>
<tr><td rowspan="2">Jadual Gaji</td><td>Peringkat</td><td>Gaji Minimum (RM Sebulan)</td><td>Gaji Maksimum (RM Sebulan)</td><td>Kadar Kenaikan Gaji Tahunan (RM)</td></tr>
<tr><td>P1</td><td>1,216.00</td><td>2,983.00</td><td>80.00</td></tr>
<tr><td>Syarat Lantikan</td><td colspan="4">Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:<br>(a) warganegara Malaysia;<br>(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;<br>(c) i) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.<br>(Gaji permulaan ialah pada Gred N11: RM1,216.00); atau<br>(d) (ii) PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)].<br>(Gaji permulaan ialah pada Gred N11: RM1,262.15).<br>(e) kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.</td></tr>
<tr><td>Taraf Jawatan</td><td colspan="4">Tetap</td></tr>
<tr><td>Fungsi Bidang Tugas</td><td colspan="4">Aspek tugas-tugas operasi am, penyampaian surat/dokumen/saman/notis dan pemanduan kenderaan<br>(a) Melaksanakan tugas penyampaian atau kutipan surat/dokumen/ saman/notis dengan sempurna, cekap dan berkesan.<br>(b) Membantu membuat salinan pendua dan penjilidan dokumen.<br>(c) Mengangkat, menyusun dan mengemas barang-barang atau peralatan bekalan daripada stor pejabat.<br>(d) Mengemas dan menyusun atur bilik mesyuarat sebelum dan selepas mesyuarat serta memastikan peralatan di bilik mesyuarat disenggarakan dengan baik.<br>(e) Membantu membawa peralatan penggambaran dan memastikan keselamatan peralatan berkenaan.<br>(f) Memastikan kebersihan dan kekemasan pejabat sepanjang masa.<br>(g) Melaksanakan tugas pemanduan kenderaan pada bila-bila masa apabila diarahkan oleh ketua jabatan.</td></tr>
</table>